



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
PERSIARAN SEMARAK API, CYBER 1
63200 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

TELEFON : 603-83190200 / 603-83190300
FAKS : 603-83190220 / 603-83190399

<http://www.mpsepang.gov.my>



#visitsepang2020 | #tahunmelawatsepang2020
#TMS2020 | #sepanggerbangnegara



"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

selangorku BERSIH **HIAUSEJAHTERA**

Ruj. Tuan : PWN.SEL. 700-1/3/2(8)

Ruj.Kami : MPSepang 400-4/1/1 Jld 9 ()

Tarikh : 19 Julai 2021

Perbendaharaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

(up : En Zuhdi Bin Mohd Zamli)

Tuan,

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS
BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI
DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan bertarikh
12 Julai 2021 dan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Bersama ini disertakan maklum balas input dan cadangan sempena sesi libat
urus belanjawan 2021 YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersama Ahli Dewan Negeri
dan Ahli Parlimen Negeri Selangor untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan adalah amat dihargai dan didahului
dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Y.M. RAJA ZULHELMI BIN RAJA SALEH)

Pengarah

Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Perbandaran Sepang

s.k. Yang Dipertua

- Untuk makluman YBhg Dato'

(Sila catat rujukan kepada kami apabila berhubung)

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN
2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN
AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

AGENSI : MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

JABATAN / UNIT : JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
1.	Kluster Kesihatan (COVID-19) (Lampiran B m/s 1)	- Sanitasi Awam	Pihak majlis hanya menumpukan kepada perkakasan sanitasi dan disinfeksi ke atas aset-aset majlis seperti pasar aawam , dewan komuniti dll. Disamping itu, kolaborasi bersama pihak Bomba juga dilaksanakan.
2.	YB Kuang (Lampiran B m/s 8 Bil 5)	Vaksinasi COVID-19 kepada penjawat awam perlu dipercepatkan supaya mereka boleh ke pejabat dengan kadar kehadiran yang lebih tinggi.	Pihak majlis mengambil inisiatif memohon bantuan daripada Pejabat Kesihatan Daerah dan juga PPV yang terdapat di daerah Sepang bagi tujuan imunisasi kepada kakitangan.
3.	YB Dusun Tua (Lampiran B m/s 8 Bil 6)	Perlu wujud banyak PPV dan PPV bergerak di PBT, supaya jarak tidak terlalu jauh untuk menerima vaksin, JKN boleh bekerjasama dengan MOSTI untuk mempercepatkan pemberian vaksin tanpa perlu daftar my sejahtera	Pihak majlis juga merupakan agensi teknikal memberi bantuan teknikal dan bantuan petugas di bilik gerakan.
4.	YB Pandan (Lampiran B m/s 29 Bil 8)	Memanfaatkan sisa pepejal melalui program recycle dan baja compose sisa bagi mengelakkan timbunan sampah sarap yang menyebabkan banjir kilat.	Pihak majlis telah melaksanakan program kitar semula yang melibatkan pihak KDEB dan komuniti di daerah Sepang. Di samping itu, program KOMPOS telah dilaksanakan iaitu Anaerobic Digester(AD) bersama pihak SIRIM.

JABATAN / UNIT : JABATAN PERANCANGAN BANDAR

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
5.	YB Sijangkang (Lampiran B m/s 20 Bil 17)	PDT dan PBT perlu menyiapkan /menyediakan pre comp plan bagi kemudahan awam asas supaya perkara ini dapat dilaksanakan segera selepas tempoh pandemik	Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah melaksanakan projek-projek pembangunan kemudahan awam dibawah peruntukan Wang Amanah Caj Pemajuan. Semua urusan tanah untuk pewartaan bagi tapak-tapak kemudahan awam ini akan diselesaikan oleh pihak Majlis bersama Pejabat Tanah Daerah secara berkala.
6.	YB Shah Alam (MP) (Lampiran B m/s 18 Bil 8)	Mencadangkan satu sesi libat urus dengan pihak pemain industri yang berkenaan Bersama PBT bagi mendapatkan input berkaitan projek pembangunan untuk meminimumkan kesan negative pandemic COVID-19.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC), MPSepang yang bersidang 4 kali setahun merupakan medium utama sesi libat urus pihak Majlis bersama persatuan dan pemain industri Daerah Sepang sebagai saluran hebahan dan input berkenaan dengan pengoperasian dan kawalan pembangunan industri semasa pasca pandemik COVID 19 melanda negara Pihak MPSepang juga telah mengambil inisiatif tambahan dengan mengadakan satu sesi libat urus bersama pemain industri melalui 'Townhall Webinar Industri Mampan Daerah Sepang' pada 6 September 2021. Topik sesi Town Hall ini akan turut menyentuh berkenaan keperluan dan kawalan pengoperasian kawasan perindustrian semasa pasca pandemik COVID 19.

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
7.	YB Seri Setia (Lampiran B m/s 29 Bil 6)	Projek Low Carbon City dengan mencadangkan pemasangan alat tenaga solar di PBT, bangunan Kerajaan, Masjid dan surau.	Pemasangan alat tenaga solar (panel solar) pada bumbung bangunan ibu pejabat MP Sepang masih dalam peringkat "feasibility study" menerusi semakan terhadap beberapa tawaran oleh penyedia perkhidmatan. MP Sepang adalah komited untuk meneruskan agenda perbandaran rendah karbon bermula di Cyberjaya menerusi program Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030 Challenge). Fokus pengurangan kadar pelepasan karbon (40% <i>reduction by year 2030</i>) menerusi program berkenaan akan melibatkan kesemua pemilik bangunan bukan sahaja premis kerajaan, masjid dan surau. MP Sepang akan bekerjasama dengan "Stakeholders" di Cyberjaya bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif rendah karbon berpaksikan kepada elemen tenaga, air, sisa, mobility dan kehijauan dengan pelbagai perancangan projek boleh laksana termasuk pemasangan panel solar.

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
8.	YB Bangi (MP) (Lampiran B m/s 29 Bil 7)	Insentif menggalakkan penggunaan teknologi jimat tenaga – Kerajaan Negeri memberikan insentif kepada peniaga dan pengilang yang menaiktaraf peralatan penjimatan tenaga.	MPSepang komited untuk melaksanakan program Industri Mampan dan Cekap Tenaga pada tahun 2022. Menerusi program berkenaan, pihak MPSepang akan menyediakan Pelan Tindakan Industri Mampan Daerah Sepang yang akan dijadikan sebagai rujukan utama pemain industri Daerah Sepang di dalam melaksanakan inisiatif penjimatan tenaga di Kawasan industri masing-masing. Sebagai galakan bagi pelaksanaan program ini di kalangan pemain industri Daerah Sepang, Pihak MPSepang juga berhasrat untuk memberi inisiatif berbentuk pengiktirafan dan pertandingan kepada pemain industri yang komited untuk melaksanakan program tersebut Pengiktirafan seperti ini bukan sahaja akan melestarikan ekosistem perindustrian, malah pengusaha perindustrian turut dapat memberi nilai tambah kepada profail perniagaan masing-masing.
9.	YB Seri Setia (Lampiran B m/s 18 Bil 9)	Mewujudkan dan memperbanyakkan Kawasan gerai-gerai terancang untuk membantu penjajakecil.	Pihak Majlis mengambil maklum ke atas keperluan tapak-tapak gerai awam di dalam kawasan pembangunan baru. Dalam pasca covid-19 pihak MPSepang telah mengenalpasti 13 tapak penjaja sementara untuk membantu penjaja-penjaja kecil yang terkesan.

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI								
10.	YB Banting (Lampiran B m/s 7 Bil 2)	Van dan Bas Selangorku disetiap PBT boleh untuk digunakan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di kawasan pendalaman Selangor. Aset di GLC dan PBT digunakan sebagai pusat vaksinasi.	Perkhidmatan Bas Smart Selangor (Bas Percuma) ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) telah disediakan oleh Majlis Perbandaran Sepang seperti berikut : <table><tr><th>LALUAN</th><th>PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)</th></tr><tr><td>SPG1, SPG2, SPG3</td><td>PPV Hotel Movenpick, KLIA, Sepang</td></tr><tr><td>SPG2, SPG3</td><td>PPV Dewan BBST, Sepang</td></tr><tr><td>SPG3</td><td>PPV MMU, Cyberjaya</td></tr></table>	LALUAN	PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)	SPG1, SPG2, SPG3	PPV Hotel Movenpick, KLIA, Sepang	SPG2, SPG3	PPV Dewan BBST, Sepang	SPG3	PPV MMU, Cyberjaya
LALUAN	PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)										
SPG1, SPG2, SPG3	PPV Hotel Movenpick, KLIA, Sepang										
SPG2, SPG3	PPV Dewan BBST, Sepang										
SPG3	PPV MMU, Cyberjaya										
11.	YB Pendamaran (Lampiran B m/s 33 Bil 16)	Penyediaan kemudahan pengangkutan (Bas Smart Selangor) ke Pusat Vaksin									
12.	YB Sementa (Lampiran B m/s 34 Bil 18)	Memobilisasikan peserta vaksin ke pusat vaksin.									
13.	YB Banting (Lampiran B m/s 34 Bil 21)	Penyediaan Kemudahan PPV dengan menggunakan khidmat Bas Smart Selangor di kawasan-kawasan perumahan (luar bandar)									

JABATAN / UNIT : UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
14.	YB Pelabuhan Klang (Lampiran B m/s 31 Bil 4)	JMB pangsapuri kos rendah tidak mempunyai keupayaan kewangan kerana penghuni tidak mampu membayar yuran. kesannya, jmb tidak dapat menguruskan fasiliti dan membayar utiliti dan kos penyelenggaraan seperti bil elektrik, air dan kos pembersihan .	1) Berdasarkan semakan terdapat beberapa kawasan JMB kos rendah dan juga kos sederhana rendah mengalami isu kutipan daripada pemilik petak. 2) Kutipan wang penyenggaraan adalah penting bagi memastikan pengurusan dan penyenggaraan di kawasan tersebut berjalan lancar 3) PBT mencadangkan penubuhan satu dana khas kepada pemilik-pemilik yang memerlukan bantuan kepada inividu yang terlibat (Peruntukkan Dana Atau Tabung Khas Oleh Kerajaan Negeri)
15.	Kluster Bantuan Rakyat dan Sosial (Social Safety Net)	Bantuan kepada JMB pangsapuri kos rendah	1) PBT mencadangkan agar saluran peruntukkan sosial turut dipertimbangkan bagi pengurusan dan penyenggaraan kawasan strata
16.	YB Rawang (Lampiran B m/s 36 Bil 34)	Masalah Kewangan JMB/MC Pangsapuri Rumah Kos Rendah – Pada Masa Ini Menghadapi Masalah Kutipan Daripada Penduduk. Mohon Kelonggaran Menggunakan Peruntukkan Skim Ceria Untuk Mengatasi Masalah Kewangan Jmb/Mc	1) PBT mengesyorkan agar perincian bagi Saluran Peruntukkan Skim Ceria dikemaskini bagi penggunaan luarjangka/kecemasan 2) Fokus diberikan kepada kerja-kerja yang kritikal

JABATAN / UNIT : JABATAN PERBENDAHARAAN

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
17.	Kluster Fiskal	Pengurusan Pembayaran Cukai yang lebih Efisien	Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah menyediakan saluran pembayaran seperti berikut : 1. Pembayaran secara Online (web Portal Majlis/Perbankan Internet) 2. Kiosk Layan Diri 3. PBTPay (KPKT)
18.	Kluster Fiskal	Pelepasan Bayaran Cukai Taksiran dan Cukai Tanah	Tiada pelepasan bayaran cukai diberikan, walaubagaimanapun pengurangan notis 50% secara One-Off diberikan (sekiranya terdapat permohonan) dan pembayaran secara ansuran berjadual dibenarkan kepada pemilik harta yang memohon.
19.	YB Banting (Lampiran B m/s 29 Bil 1)	Pertimbangan pelepasan pembayaran cukai taksiran dan cukai tanah dan kelonggaran bayaran secara ansuran.	
20.	YB Tanjong Karang (MP) (Lampiran B m/s 35 Bil 26)	Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai taksiran.	Pihak Majlis menunggu garis panduan dari Pihak Berkuasa Negeri.
21.	YB Banting (Lampiran B m/s 14 Bil 2)	Dicadangkan agar sesetengah program tidak perlu kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor. PDT dan PBT boleh mempunyai kuasa melulus melibatkan bantuan kepada Rakyat.	Kelulusan boleh dibuat diperingkat Majlis sahaja.

JABATAN/ UNIT : JABATAN KEJURUTERAAN

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
22.	Kluster Infrastruktur	Membaikpulih Jalan-jalan Persekutuan dan Negeri yang kritikal dengan menggunakan peruntukan MARRIS.	Jumlah peruntukan MARRIS RM10,060,941.78 dalam proses perolehan dan pelaksanaan untuk membaiki jalan – jalan di peringkat Majlis Perbandaran Sepang
23.	YB Seri Setia (Lampiran B m/s 18 Bil 9)	Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kesan kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT.	Isu jalan yang bertindih akan di buat berama-sama agensi seperti JKR , PLB dan JPS. Penyelarasan di peringkat Mesyuarat Jawantakuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Sepang .

JABATAN / UNIT: JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
24.	Kluster Bantuan Rakyat dan Sosial (Social Safety Net)	Pemberian Pengecualian / Pengurangan Kadar Sewa	Pihak Jabatan telah memberikan data kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri bagi premis yang terkesan dengan SOP MKN. Sebanyak 106 operasi premis yang tidak dibenarkan beroperasi dari 370 premis yang disewakan.

JABATAN / UNIT : UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
25.	Kluster Ekonomi	Digitalisasi urusan kerajaan ditingkatkan.	1. Perkhidmatan Atas Talian (<i>online services</i>) https://http://ekl.mpsepang.gov.my/sso Untuk perkhidmatan seperti : • eBorang • eCukai • eKompaun • eAduan • eBayar • eSewaan • eTempahan • ePenilaian Dalam proses penambahan perkhidmatan : • eBilPebagai • eCagaran • eLesen 2. Selain itu, perkhidmatan lain di atas talian ialah : • Sistem iPerjawatan • Sistem IdeaBajet • Sistem eBazar Ramadhan • Sistem Penyata Pemunya • Sistem myPusara 3. Selain perkhidmatan atas talian, MPSepang juga mempunyai perkhidmatan yang ditawarkan melalui aplikasi mudah alih iaitu : • Aplikasi Mudah Alih iSepang untuk perkhidmatan cukai, sewaan, tempahan dan tambahan baru iaitu kompaun. • Aplikasi Mudah Alih eAduan untuk kemudahan orang ramai membuat dan menyemak aduan. • Aplikasi Flexi Parking untuk kemudahan awam membayar bayaran petak parking. • Aplikasi eKM 4. Perkhidmatan atas talian untuk MPSepang juga boleh diakses melalui portal PBTPay untuk perkhidmatan cukai dan kompaun.

JABATAN / UNIT : JABATAN PENGUATKUASAAN

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
26.	YB Sungai Panjang (Lampiran B m/s 36 Bil 30)	Memohon PBT memberi kelonggaran penguatkuasaan kepada penjaja kecil untuk berniaga tanpa lesen dalam tempoh pandemik.	Peniaga kecil semasa pandemik ini ada diberikan kelonggaran untuk berniaga tanpa lesen. Pihak majlis mengeluarkan permit bertempoh bagi setiap penjaja yang mana ia perlu diperbaharui mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana bagi mengawal penjaja kecil ini supaya tidak mendatangkan masalah kacau ganggu kepada orang ramai. Walaubagaimanapun begitu, penjaja kecil ini perlu memenuhi beberapa syarat seperti : i. Peniaga adalah warganegara malaysia. ii. Lokasi penjaja yang tidak merbahaya dan menghalang. iii. Meniaga secara penjaja tidak secara gerai. iii. Menjaga kebersihan setempat. iv. Tidak meninggalkan barang perniagaan di tapak. v. Tidak membuka kerusi dan meja. vi. Mematuhi SOP MKN yang ditetapkan. vii. Penjaja ini adalah tidak ditetapkan di lokasi (tiada lesen dikeluarkan) dan boleh ditutup pada bila-bila masa tanpa sebarang notis mengikut keadaan semasa.

JABATAN / UNIT : JABATAN PELESENAN

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
27.	Kluster Bantuan Rakyat dan Sosial (Social Safety Net)	Lesen sementara bagi penjaja kecil	Pihak majlis telah mempertimbangkan bagi pemberian lesen sementara kepada penjaja kecil sejak Perintah Kawalan Pergerakan yang pertama dijalankan. Pihak majlis telah meluluskan sebanyak 135 lesen penjaja sementara diantara bulan Januari hingga Jun 2021. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.
28.	YB Sungai Air Tawar (Lampiran B m/s 30 Bil 2)	Pengecualian daripada fi lesen PBT kepada usahawan IKS/peniaga kecil.	Bagi peniaga kecil atau didalam kategori penjaja, tiada caj fi lesen dikenakan.

PENGESAHAN KETUA JABATAN :



(DATO' HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN) DSIS, AIS ,PPT,PPC

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Sepang.